



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	COVID-19: URUSAN EKSPORT, IMPORT SEPERTI BIASA, NEWS, BH -ONLINE BEKALAN MAKANAN UTAMA MENCUKUPI, NASIONAL, SH -32 BEKALAN MAKANAN UTAMA PADA TAHAP STABIL, CUKUP, SH -ONLINE BARANGAN MAKANAN, KEPERLUAN MENCUKUPI, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -27 'TAK PERLU PANIK, STOK BERAS CUKUP', NASIONAL, BH -7 ACTIVITIES IN FOOD SUPPLY CHAIN TO OPERATE AS NORMAL, THE SUN DAILY -ONLINE FOOD, ESEENTIAL ITEMS IN SUFFICIENT SUPPLY FOR DURATION OF RESTRICTION ORDER, HOME BUSINESS, THE EDGE FINANCIAL DAILY -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
8.	222 DRAGON FISH TRAPS WORTH RM13,320 SEIZED, NATION, THE STAR -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	PASAR MALAM, PASAR TANI TAK DIBENAR BEROPERASI, NASIONAL, BH -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	'THERE IS ENOUGH SUPPLY FOR RICE', NATION, CHINA PRESS -A9	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	COVID-19: Urusan eksport, import seperti biasa		
MediaTitle	Berita Harian (www.bharian.com.my)		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,200

COVID-19: Urusan eksport, import seperti biasa

PUTRAJAYA: Aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran, termasuk eksport dan import diteruskan seperti biasa, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi memastikan kelangsungan ekosistem rantaian bekalan makanan, demikian menurut Kementerian P...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Bekalan makanan utama mencukupi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	32	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	408 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,650
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,949



Bekalan makanan utama mencukupi

Pengguna diminta tidak bimbang berikutan Perintah Kawalan Pergerakan

PUTRAJAYA

Bekalan makanan bagi kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bekalan itu ditampung melalui pengeluaran domestik, import dan stok bekalan.

Menurutnya, kedudukan stok beras dalam pasaran setakat ini pada tahap 500,000 tan metrik.

"Kerajaan melalui senarai pengecualian di bawah Perintah Kawalan Pergerakan membenarkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran termasuk eksport



Ronald (tiga dari kiri) membuat tinjauan ke MyFarm Outlet di Putrajaya dan kilang beras YHL Trading Sdn Bhd di Semenyih semalam.

serta import diteruskan seperti biasa daripada 18 sehingga 31 Mac ini untuk memastikan kelangsungan ekosistem rantai bekalan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat tinjauan ke MyFarm Outlet di Putrajaya dan kilang beras YHL Trading

Sdn Bhd di Semenyih bagi memastikan bekalan makanan dalam pasaran mencukupi semalam.

Ronald berkata, proses pembekalan daripada pemborong kepada peringkat peruncitan masih berjalan seperti sedia kala dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak

membuat pembelian panik dan *stockpiling* bahan makanan secara berlebihan.

Katanya, penyampaian perkhidmatan Kementerian kepada kumpulan sasar juga tetap diteruskan seperti biasa terutama di barisan hadapan seperti perkhidmatan pengembangan, biosekuriti, pemeriksaan

dan kuarantin makanan.

"Kementerian akan terus memantau dan bekerjasama dengan pihak pengeluar dan pendergi bagi memastikan situasi bekalan makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi memastikan keperluan bekalan makanan tersedia," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bekalan makanan utama pada tahap stabil, cukup



31 Mac ini untuk memastikan kelangsungan ekosistem rantai bekalan makanan," katanya.

Ronald (tiga dari kiri) diberikan penerangan mengenai status bekalan makanan kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

PUTRAJAYA - Bekalan makanan bagi kumpulan makanan utama termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan ialah Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bekalan itu ditampung melalui pengeluaran domestik, import dan stok bekalan.

Sementara itu katanya, kedudukan stok beras dalam pasaran setakat ini pada tahap 500,000 tan metrik.

"Kerajaan melalui senarai pengecualian di bawah perintah kawalan pergerakan membenarkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran termasuk eksport serta import diteruskan seperti biasa, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan daripada 18 sehingga



keperluan bekalan makanan tersedia," katanya.

Ronald (tiga dari kiri) membuat tinjauan ke MyFarm Outlet di Putrajaya dan kilang beras YHL Trading Sdn Bhd di Semenyih hari ini.

Beliau berkata demikian selepas membuat tinjauan ke MyFarm Outlet di Putrajaya dan kilang beras YHL Trading Sdn Bhd di Semenyih bagi memastikan bekalan makanan dalam pasaran mencukupi hari ini.

Ronald berkata, proses pembekalan daripada pemborong kepada peringkat peruncitan masih berjalan seperti sedia kala dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat panic buying dan stockpiling bahan makanan secara berlebihan.

Katanya, penyampaian perkhidmatan Kementerian kepada kumpulan sasar juga tetap diteruskan seperti biasa terutama di barisan hadapan seperti perkhidmatan pengembangan, biosekuriti, pemeriksaan dan kuarantin makanan.

"Kementerian akan terus memantau dan bekerjasama dengan pihak pengeluar dan pengedar bagi memastikan situasi bekalan makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi memastikan

Headline	Barangan makanan, keperluan mencukupi		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	27	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	365 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,401
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,204



Barangan makanan, keperluan mencukupi

PUTRAJAYA: Barangan makanan dan keperluan harian masih mencukupi dan rakyat tidak perlu panik semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau, yang juga Menteri Pertahanan berkata, rakyat tidak perlu panik dengan membeli barangan secara pukal kerana premis-premis yang menjual barangan keperluan masih dibuka.

"Saya dimaklumkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-

NHEP) bahawa keperluan makanan mencukupi," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri-Menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, pihak MOA telah berjumpa dengan pengeluar makanan termasuk beras, sayur-sayuran bahawa keperluan makanan adalah mencukupi dan rakyat tidak perlu panik.

"KPDNHEP juga telah memeriksa premis yang menjual produk makanan dan keperluan lain bahawa semua adalah mencukupi dan tidak perlu panik untuk

berebut membeli makanan dan sebagainya," katanya.

Perintah itu dikuat kuasakan kerajaan selama 14 hari mulai semalam bagi membendung wabak Covid-19.

Ismail Sabri juga menggalakkan rakyat untuk menggunakan sistem dalam talian bagi setiap urusan ke arah mengurangkan mobiliti.

"Saya tahu ada rungutan mengatakan bahawa kad tambah nilai sudah habis, tidak boleh pergi ke bandar untuk membeli-belah.

"Kita sarankan mereka menggunakan perkhidmatan dalam talian, kerana kita cuba sedaya-upaya untuk mengelakkan diri daripada mempunyai hubungan rapat atau kontak



MENTERI Kanan (Kluster Keselamatan) merangkap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

sosial dengan pihak lain," katanya.

Menteri itu turut disoal mengenai cadangan sesetengah pihak kepada kerajaan untuk membolehkan

wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikeluarkan bagi meringankan beban mereka yang terjejas punca pencarian dalam tempoh perintah itu.

"Itu kita bincang dalam mesyuarat Kabinet semalam dan pihak Kementerian Kewangan sedang meneliti perkara ini," katanya.

— Bernama

Headline	'Tak perlu panik, stok beras cukup'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	402 cm ²
Journalist	Rohaniza Idris	AdValue	RM 13,363
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,088



Penularan COVID-19

'Tak perlu panik, stok beras cukup'

Kementerian maklumkan bekalan makanan import konsisten

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memaklumkan stok beras di pasaran tempatan adalah mencukupi dan rakyat tidak perlu membuat pembelian panik.

Kementerian itu dalam satu kenyataan memaklumkan bekalan dan penghantaran bahan makanan import seperti daging, susu, beberapa jenis sayuran dan buah-buahan di negara pengeksport masih konsisten.

"Cuma terdapat kemungkinan COVID-19 akan memberikan impak terhadap pergerakan dan logistik perdagangan global yang mungkin memberikan sedikit kesan," menurut kementerian itu.

Mengenai pergerakan lori yang membawa makanan (ikan hidup dan hasilan ikan) ke dalam dan luar negara, kementerian memaklumkan berdasarkan Peraturan Kawalan Pergerakan daripada Jabatan Imigresen, pertika 1.2.4, pergerakan kenderaan berat (lori) untuk tujuan membawa bekalan makanan sahaja dibenarkan keluar dan masuk serta dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan.

Namun, pengusaha ikan hiasan walaupun memiliki Sijil Kesihatan, tidak dibenarkan melintasi sempadan kerana pergerakan keluar masuk sempadan dibenarkan hanya untuk membawa bekalan makanan.

"Ikan hiasan bukan bekalan makanan dan pengusaha tidak dibenarkan membuat perjalanan sehingga tamat tempoh Peraturan Kawalan Pergerakan. Kerajaan Singapura juga sangat tegas dalam perkara ini," katanya.

Kementerian itu turut memaklumkan COVID-19 tidak menyerang tanaman atau tumbuhan tumbuhan kerana virus berkenaan adalah sejenis 'respira-



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang (dua dari kiri) membuat tinjauan di kilang beras YHL Trading di Semenyih, semalam. (Foto ihsan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan)

COVID-19 tidak serang tanaman kerana ia sejenis 'respiratory virus' yang datangkan kemudahan kepada manusia.

Kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

tory virus' yang mendatangkan kemudahan kepada manusia.

COVID-19 adalah spesifik yang mengakibatkan gangguan pernafasan dan mengakibatkan sistem imunisasi tubuh manusia menjadi lemah sehingga boleh menyebabkan kematian.

"Virus COVID-19 disyaki bermula daripada haiwan liar dan telah menjangkiti manusia. Namun, virus yang menjangkiti manusia ini tidak akan tersebar ke haiwan ternakan," menurut kementerian itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2020	THE SUN DAILY	ONLINE	

Activities in food supply chain to operate as normal

PUTRAJAYA: Activities in the production, processing and distribution of food including imports and exports will continue as normal during the movement control order, which came into effect from March 18 to 31 to ensure continuity in the food supply chain ecosystem, said the Agriculture and Food Industry Ministry.

“Therefore the supply process from wholesalers to retailers will continue to operate as usual and the people are advised not to panic buy or hold excessive stockpile of food,” said the ministry.

The ministry in a statement today said the Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (pix) had conducted two visits to MyFarm outlet in Putrajaya and rice miller, YHL Trading Sdn Bhd in Semenyih today to ensure sufficient food supply in the market.

According to the ministry, main food items such rice, meat, fish, vegetables and fruits are at stable level and adequate.

“The supply is supported by domestic production, import and stocks. The stock of rice in the market now is 500,000 tonnes,” he said.

The ministry said its delivery service to target groups would go on as normal such as food development services, biosecurity, inspection and quarantine.

“The ministry will continue to monitor and cooperate with producers and distributors to ensure adequate food supply during the movement control order,” it said. - *Bernama*

Headline	Food, essential items in sufficient supply for duration of restriction order		
MediaTitle	The Edge Financial Daily		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Home Business	Circulation	4,562
Page No	9	Readership	13,686
Language	English	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,499
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,498



A customer picking groceries at one of the well-stocked supermarkets in Kuala Lumpur. Photo by Kenny Yap

Food, essential items in sufficient supply for duration of restriction order

PUTRAJAYA: Food and other essential items are still in sufficient supply and the people need not panic during the implementation of the Movement Control Order (MCO), said Senior Minister (security cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ismail Sabri, who is also the defence minister, said the public need not engage in panic buying because the businesses selling these essential goods are still allowed to operate.

"I was informed by the agriculture and food industry ministry (MOA) and the domestic trade and consumer affairs ministry (MDTCA) that there are sufficient food supplies," he said at a press conference after chairing a special ministerial committee meeting on the MCO, here yesterday.

The minister said the MOA had met with food producers and was told that food supplies, including rice and vegetables, were sufficient and that the public need not panic.

"The MDTCA has also been inspecting premises selling food

products and other essential items, and have found that supplies are sufficient and there is no need for panic buying," he added.

Ismail Sabri also encouraged the public to use online services in an effort to reduce movement.

"I know there are complaints among those whose top-up cards have no more credit, and those who can't go to town to make purchases. We call on the people to use online services because we need to do our best to avoid having social contact with others," he said.

Asked about the suggestion from some quarters that the government should enable the public to withdraw funds from the Employees Provident Fund (EPF) as a measure to reduce the burden faced by individuals whose livelihood has been affected during the March 18 to 31 timeframe, the minister said:

"That is what we discussed at yesterday's Cabinet meeting, and the finance ministry is studying the matter." — *Bernama*

Headline	222 dragon fish traps worth RM13,320 seized		
MediaTitle	The Star		
Date	20 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	175,986
Page No	14	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	R. SEKARAN	AdValue	RM 4,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,384



222 dragon fish traps worth RM13,320 seized

By R. SEKARAN
rsekaran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The Fisheries Department has seized 222 dragon fish traps (*hubu naga*) worth RM13,320 in an operation to curb the use of banned fishing appliance in the waters off Simpang Ampat.

State Fisheries director Noraisyah Abu Bakar said the traps

were seized on Tuesday during a joint operation with the marine police.

The trap is banned as it can cause severe damage to small fish resources at sea.

The operation, which involved 19 people, including nine officers from the marine police, was held between the waters near Juru and Batu Kawan.

"The use of dragon fish traps

are still rampant in the state although they have been banned as the traps use two-stroke engines," she said.

Noraisyah said those caught using the traps could be charged with illegal fishing under the Fisheries Act and if convicted, fined not more than RM20,000 or jailed not more than two years or both.

Last year, there were 53 such

cases where 841 dragon fish traps were seized.

The figure was much lower than 119 cases with 1,149 traps seized in 2018.

Noraisyah said the department viewed the usage of dragon fish traps seriously and would continue with its joint operation, especially with the Marine Department to eliminate the usage of such traps that pose a threat to small fish.

Headline	Pasar malam, pasar tani tak dibenar beroperasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	4	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,397
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,191



Pasar malam, pasar tani tak dibenar beroperasi

Kuala Lumpur: Semua pasar malam dan pasar tani tidak dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, manakala restoran 24 jam di bandar raya ini diarah menendekkan masa perniagaan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A Dablan dalam kenyataan semalam, menegaskan had masa untuk operasi restoran itu membabitkan perkhidmatan pemandu laka, pengangkutan dan membawa pulang.

"Arahan ini selaras Akta 342, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Polis 1967 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

"Aji pun, ia terlakuk kepada perubahan arahan terkini dari semasa ke semasa," katanya.

Sekiranya arahan itu gagal dipatuhi, DBKL akan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap

milik perniagaan, katanya. Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan berkata, semua pasar malam dan pasar tani di seluruh negara tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh perintah itu dikuatkuasakan.

Perkara itu termaktub dalam larangan perintah, iaitu semua pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya dikurangkan sama sekali.

"Yang disebut (benar beroperasi) iaitu pasar yang mempunyai struktur bangunan kekal tidak termasuk pasar tani dan pasar malam.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memastikan pasar tani tidak dibuka sepanjang tempoh dua minggu ini," katanya.

Untuk membolehkan orang ramai mendapatkan barang keperluan



Semua pasar malam tidak boleh beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengawal penularan COVID-19. (foto lisan)

luan, Kementerian akan membuka 17 Pusat Operasi terpilih sebagai pusat jualan sementara yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 5 petang.

Selain itu, orang ramai boleh mendapatkan bekalan barang keperluan

dari FAMA melalui pembelian secara dalam talian di www.agrobazaar.com.my.

Bagi mendapatkan ikan segar dan produk hasil perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan meneruskan jualan

ikan segar di Pasar Nelayan dan bagi penduduk Lembah Klang, Putrajaya, Shah Alam dan Klang.

Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) juga menjual ikan dan produk hasil perikanan secara online melalui nekmatbiz.com.my.

Headline	'There is enough supply for rice'		
MediaTitle	China Press		
Date	20 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	503 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,766



農業部：不用囤積 “稻米供應足”

（布城19日讯）农业与食品业部指出，在行动管制令落实当儿，我国的稻米供应充足，人民不用过于恐慌，无需大量购买和囤积在家。

农业部今日发布的行动管制令问答

录，也解释新冠肺炎（2019冠状病毒疾病）是呼吸道病毒，并不会为植物构成威胁。

“这个病毒来源怀疑来自野生动物，但不会传染给禽畜。”

農業與食品業部問答錄

1) 农业与食品业部会正常运作吗？

答：为了预防新冠肺炎和配合行动管制令，官员会在家作业。任何与农业与食品业部活动有关的疑问，可电邮或拨打热线联系新冠肺炎监控行动室。

电话：03-8870 1307

传真：03-8888 6020

秘书处：管理部

电邮：bi@kementerianma.gov.my

WhatsApp: 017-855 5367 (Rahman Abd Rahman Yusoff) 或 017-450 7531 (Yeeb Yuan Xiang)

2) 农业与食品业部辖下部门是否开放民众进入？

答：总部和所有机构，包括联邦农业销售局（FAMA）及国家生态公园将暂时关闭。

3) 农业与食品业部涉及群众集会的活动，如2020年青农耕之旅还会进行吗？

答：部订所有涉及群众集会的活动都会展延，会不时通知任何更改。

4) 新冠肺炎会否侵袭植物？

答：病毒有很多种，有些会侵害人体、动物甚至是植物；就新冠肺炎而言，它是一种呼吸道病毒，会对人体造成伤害；新冠肺炎可导致呼吸窘迫和人体免疫力下降，严重的话可能致命；但关于新冠肺炎是否会侵袭植物的问题，答案是否定的。

5) 哪一种进口食物会受影响？

答：截至目前进口食物如肉、牛奶、几款蔬菜和水果的供应还是如常，只是新冠肺炎可能会对全球贸易和物流造成一点影响。

6) 新冠肺炎是否会透过禽畜传染？禽畜会感染吗？

答：新冠肺炎病毒起源怀疑来自野生动物，之后再传染人类，但这个侵袭人类的病毒不会传染给禽畜。

7) 我国市场上的主食（稻米），是否充足？

答：是，我国的稻米库存充足。人民无需过于恐慌，进而购买大量的稻米和储存在家。

8) 运输国内外食物（活鱼和鱼产品）的罗厘情况如何？

答：根据移民局的行动管制令第4.2.4条例，仅允许所有运送食物供应的重型交通工具（罗厘）进出，但需要进行健康检查。

9) 拥有健康证书的水族业者，可否从大马前往新加坡？

答：水族业不是食物供应，因此业者在行动管制令结束前不能出行，新加坡政府对此也非常严格。

10) 夜市和农业市集可否开档？

答：不行，根据首相声明，第一条：全面禁止全国各地的群众运动和集会，包括宗教、体育、社会和文化活动；为了执行这一管制令，除了超市、巴刹、杂货店和出售日常用品的便利店外，所有宗教场所和营业场所都必须关闭。

仅限拥有永久建筑结构巴刹可以运作，这不包括夜市和农业市集；房屋及地方政府部也发出了指示，严禁农业市集在这两周开市。

11) 农业、禽畜、渔业及水产养殖业可否继续运作？

答：可以，因为这要确保大马人民的食物来源充足，但农民、禽畜业者及渔民必须限制和减少和他人接触，如有必要必须进行健康检查。

12) 水产养殖业者和渔民需要采取什么预防措施？

答：养殖户受促减少和他人接触，实行轮换制度和减少员工人数、维持鱼获供应，并在行动管制令期间暂缓培养鱼苗。

13) 民众可以在哪里购买水果和蔬菜？

答：在政府落实行动管制令和政府机构关闭下，民众可以前往17个特定地点（见图）购买必需品。

14) 除了以上17个特定地点外，民众还能如何从联邦农业销售局（FAMA）获取必需品？

答：民众还可以通过www.agrobazaar.com.my进行网购。

15) 民众可以在哪里获得新鲜鱼获和海产？

答：大马渔业发展局会继续在渔夫市集贩卖新鲜鱼获；至于巴生谷、布城、沙阿南及巴生的民众，全国渔民协会会透过nekma.biz.com.my网上贩卖鱼获。